

# Misuari masih disoal siasat

UM - 4 DEC 2001

KUALA LUMPUR 3 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bekas Gabenor Wilayah Istimewa (ARMM), Nur Misuari yang ditahan kerana memasuki negara ini pada 24 November lalu masih ditahan untuk disoalsiasat.

Menurut Perdana Menteri, penahanan Misuari yang agak lama di negara ini disebabkan beliau ada "kaitan barangkali dengan macam-macam perkara yang berlaku".

Menurutnya, kerajaan bagaimanapun setakat ini tidak menerima sebarang permintaan daripada

Kerajaan Filipina untuk menuntut penghantaran balik Misuari ke negara tersebut.

"Setakat yang saya tahu ia (penahanan agak lama Misuari) untuk disoalsiasat.

"Saya tidak ada idea mengenai (sebarang permintaan daripada) kerajaan Filipina. Kita selesaikan tugas kita (tahan Misuari) kemudian kita akan hantarnya balik (selepas ini)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis terbuka puasa di kediaman Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah di sini, malam ini.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru mengenai Misuari bersama pengikutnya yang ditahan di Pulau Jampiras dekat Sandakan pada 24 November lalu.

Terdahulu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan kerajaan Filipina bahawa Malaysia tidak boleh 'menyimpan' Misuari terlalu lama.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia seboleh-bolehnya mahu menghantar Misuari pulang secepat mungkin tetapi sehingga kini, Kerajaan Filipina masih belum bersedia menerima 'orang buruannya' itu.

"Kita hendak hantar Misuari cepat tetapi kita masih menunggu kerajaan Filipina untuk sedia menerimanya," katanya selepas merasmikan Hari Imigresen 2001 di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara.

Abdullah berkata, sehingga hari ini, Misuari masih di bawah tabanan polis Malaysia tetapi beliau enggan menyatakan lokasi Misuari ditahan.

Ditanya mengenai laporan tekanan yang diterima oleh Malaysia daripada Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), beliau berkata, Malaysia tidak menerima sebarang tekanan daripada mana-mana pihak.